

25 JUL 2002

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI KE JOHOR

JOHOR BAHRU, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk lawatan kerja sehari ke Johor hari ini.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dekat sini pada 8.40 pagi disambut Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri dan para pegawai kanan kerajaan.

Dr Mahathir mempunyai jadual kerja yang padat sepanjang hari ini bermula dengan menutup Konvensyen Barisan Nasional (BN) Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu di sini pada 9.30 pagi.

Konvensyen yang julung kali diadakan di peringkat negeri itu dihadiri lebih 400 peserta dari Umno, MCA, MIC, Gerakan, Parti Progresif Rakyat (PPP) dan sebilangan pemerhati dari parti-parti komponen BN yang lain.

Selepas itu Perdana Menteri akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana di sini pada 12 tengah hari, demikian menurut kenyataan Jabatan Penerangan.

Dari Saujana, Dr Mahathir akan ke Pelabuhan Pasir Gudang untuk mendengar taklimat dan meninjau perkembangan terkini kemudahan-kemudahan di pelabuhan itu pada 2.30 petang.

Di Pelabuhan Pasir Gudang juga Perdana Menteri dijadual menyaksikan perjanjian pembelian tenaga antara Tenaga Nasional Berhad dan SKS Power.

Selepas itu Dr Mahathir akan merasmikan bangunan Jemaah Malabar Muslim Negeri Johor di Senai pada 4.45 petang sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

Sementara itu Dr Siti Hasmah dalam aturcara berasingan, akan menghadiri majlis penerangan Modul Keluarga Sakinah di Auditorium RTM, Kompleks Penerangan dan Penyiaran Sultan Iskandar di sini.

-- BERNAMA

MNY ROS